



colloquium
isme
Empowering Local Mind in Art Design
& Cultural Heritage
2016

Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

proceeding book

27 & 28
December
2016

Universiti
Teknologi MARA,
Melaka, Malaysia.

In collaboration with:





Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016
Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shaharudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shaharin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Illustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: Pakai Semutar Kain Lepas.	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of Batik Jarum Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof ¹ Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdri</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhozilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah</i>	
51	Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli</i>	
52	Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yussof, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	The Status Quo of Malaysian Printmaking	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	

Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah

Farhana Abdullah¹, Adnan Jusoh², Nasir Nayan³ & Zuliskandar Ramli⁴

¹⁻⁴Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjung Malim Perak

*corresponding author: anahana-33@yahoo.com

ABSTRAK-Tapak warisan arkeologi yang terletak di sekitar Lembah Bujang mempunyai keunikan tersendiri terutama dari aspek nilai arkeopelancongan Negara. Namun, tapak-tapak ini mempunyai keunikan tersendiri yang perlu di ketengahkan. Tapak pertama yang di temui oleh James Low pada tahun 1840 –an menjadikan kawasan Lembah Bujang diberi tumpuan untuk menyelidikan seterusnya. Kertas kerja ini akan mengupas dan menonjolkan keistimewaan tapak warisan arkeologi Lembah Bujang untuk pengetahuan umum khususnya generasi muda. Tapak warisan yang terdiri daripada candi-candi di sekitar Lembah Bujang melebihi ratusan tahun merupakan sesuatu yang unik dan harus dibanggakan kerana di situlah teretusnya nilai sejarah sesuatu tamadun bangsa. Kaedah penyelidikan bagi kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada kaedah soal selidik dengan menggunakan data *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* yang telah dijalankan terhadap penduduk, pelancong di sekitar Lembah Bujang iaitu sebanyak 400 responden. Kajian ini mendapati bahawa lokasi pelancongan warisan dan sejarah menjadi tarikan utama arkeopelancongan di Lembah Bujang iaitu berasaskan tapak warisan arkeologi.

Kata kunci: Arkeologi, Lembah Bujang, Arkeopelancongan, Candi, Warisan

1. PENGENALAN

Dalam membincangkan mengenai Lembah Bujang, maka aspek pelancongan haruslah di beri keutamaan kerana terdapat pelbagai keistimewaan di Lembah Bujang yang menjadi nilai penarik terhadap pelancongan negara seterusnya menyentuh mengenai nilai arkeopelancongan di Lembah Bujang kerana Lembah Bujang kaya dengan nilai arkeologi dan unsur alam untuk diketengahkan. Permukaan bumi seperti lereng-lereng bukit, gunung-ganang dan lembah-lembah amat signifikan dalam bumi Lembah Bujang yang terdapat di Kedah. Malahan, jumpaan arkeologi terutama binaan candi di sekitar Lembah Bujang menguatkan lagi kelebihan Lembah Bujang dari segi arkeopelancongan.

Oleh sebab bentuk muka bumi Lembah Bujang amat strategik seperti terdapatnya sungai-sungai, jumpaan arkeologi, gunung ganang, pemandangan flora dan fauna dapat menarik kedatangan pelancong untuk lebih mengenali

Lembah Bujang dengan lebih dekat. Konsep arkeopelancongan dapat dihayati dengan mengamati sendiri nilai dan kelebihan Lembah Bujang ketika berkunjung ke Lembah Bujang. Kelebihan ini haruslah dijaga dan dikekalkan serta diberi penambahbaikan untuk terus menarik minat para pelancong untuk datang ke Lembah Bujang.

Lembah Bujang dan arkeopelancongan secara ringkas

Lembah Bujang adalah nama untuk kawasan yang bermula dari Gunung Jerai dan memasuki ke daerah-daerah di selatannya sehingga ke Cherok Tokun di Bukit Mertajam. Nama tersebut diperkenalkan oleh pasukan arkeologi dari jabatan Muzium dalam tahun 1970-an. Ia lahir daripada pendapat waktu itu bahawa pusat kerajaan Kedah Tua terletak di Pengkalan Bujang (Nik Hassan Shuhaimi, 2008). Lembah Bujang yang merujuk kepada kawasan terletakinya Kedah Tua berada dalam dua buah lembah sungai utama di Kedah iaitu Sungai Merbok dan Sungai Muda serta anak-anak sungai tersebut. Dari segi geografi, Lembah Bujang terdiri daripada gunung-ganang, bukit-bukit, lembah sungai serta pantai. Manakala dari segi sejarah dan arkeologi, Lembah Bujang telah didiami oleh manusia sejak zaman prasejarah. Penyelidikan arkeologi protosejarah di Malaysia bermula apabila Kolonel James Low yang juga seorang Penguasa di Seberang Prai pada tahun 1840-an menjumpai secara tidak sengaja runtuhannya struktur yang dijangka sebagai candi dan inskripsi batu bersurat Buddhagupta di Cherok Tokun di Seberang Prai (Nik Hassan Shuhaimi, 2008).

. Sesuatu nilai pelancongan dapat diteliti daripada pelbagai perspektif. Salah satu daripadanya ialah melalui penelitian mengenai arkeologi dan pelancongan warisan. Sesuatu nilai pelancongan dapat diteliti melalui aspek arkeologi dan warisan apabila kebanyakan pengunjung atau pelancong lebih menjurus untuk melihat nilai arkeologi dan warisan di sesuatu destinasi pelancongan pilihan. Sehubungan dengan itu, aspek arkeologi dan pelancongan warisan haruslah diberi keutamaan kepada pelancongan negara kerana ianya memberi kesan kepada faktor penyumbang ekonomi negara. Nilai arkeologi dan warisan di Malaysia kebanyakannya banyak didokumentasikan di muzium, arkib dan memorial semata-mata tanpa menjadikan arkeologi dan warisan sebagai penyumbang terbesar kepada sektor pelancongan negara. Selain arkeologi, pelancongan turut di kaitkan dengan konsep warisan sejarah lampau serta lawatan dan penghayatan mengenai pelancongan warisan terutama kepada generasi masa kini. Bukan hanya pengdokumentasian peristiwa sejarah semata-mata malahan lokasi dan monumen sebagai unsur pendidikan mampu merangsang minat generasi kini untuk lebih menghargai nilai arkeologi dan warisan negara khususnya.

Di Malaysia, pelancongan merupakan salah satu sektor yang penting dalam ekonomi negara, dan kelima terbesar dari segi ekonomi serta kedua terbesar dari segi pertukaran matawang asing. Walaubagaimanapun, pelancongan warisan arkeologi atau arkeopelancongan masih belum dibangunkan sepenuhnya. Arkeopelancongan mempunyai potensi yang tinggi

untuk menjana pendapatan ekonomi yang baik kerana penyelidikan arkeologi yang intensif dan sistematik sejak tahun 1970an oleh ahli arkeologi tempatan telah menemui banyak tapak arkeologi, artifak dan maklumat tentang prasejarah Malaysia. Penemuan arkeologi seperti di Lembah Bujang Kedah telah berjaya menarik minat ramai penduduk tempatan dan luar negara terhadap kekayaan warisan arkeologi negara melalui aspek pelancongan (Chia, 2011)

Geografi Lembah Bujang

Dari segi geografi, Lembah Bujang terdiri daripada tiga unit geomorfologi iaitu gunung, bukit tergondol, fluvial dan marin (Jamaluddin Jahi, 2008).

Unit gunung/ bukit tergondol unit

Unit ini terbentuk akibat daripada proses geomorfologi seperti luluhawa, hakisan, pergerakan jisim dan lain-lain aktiviti yang menyebabkan bentuk muka bumi berubah. Proses tersebut membawa kepada kesan seperti permatang, *escarpments*, cerun curam, jurang, galir, galur dan lembah sungai.

Unit geomorfologi fluvial

Kebanyakan daripada unit geomorfologi jenis ini terdapat di selatan kawasan Lembah Bujang di mana proses fluvial adalah lebih utama. Di kedua-dua belah Sungai Muda terdapat tanah datar aluvial dan tetambak semulajadi terutama di bahagian hulu dari Kota Kuala Muda.

Unit geomorfologi marin

Hampir separuh daripada Lembah Bujang terdiri daripada unit geomorfologi marin. Dalam perkembangannya, aktiviti main mengakibatkan pembentukan beberapa teres dua, teres muda, permatang pantai, dan dataran pasang surut. Terdapat dua lapisan atau tahap teres marin daripada kajian foto udara dan survey di lapangan. Kedua-duanya di pisah oleh garis pesisir asal yang menyebabkan di tempat-tempat tertentu terdapat permatang pantai asal (Jamaluddin Jahi, 2008).

2. KEUNIKAN LEMBAH BUJANG

2.1 Candi/Tapak Arkeologi

Lembah Bujang telah didiami oleh manusia sejak zaman prasejarah lagi. Ia meliputi jangka waktu yang panjang merangkumi waktu sejak kewujudan manusia pertama dan berakhir apabila tulisan diperkenalkan kira-kira 3000 tahun dahulu (Daniel 1971). Klasifikasi zaman Prasejarah di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan pendekatan tipologi artifak-artifak dan budaya kebendaan yang ditinggalkan oleh masyarakat tersebut (Nik Hassan Shuhaimi, 2008). Masyarakat prasejarah ini kemudiannya berevolusi menjadi masyarakat proto-sejarah. Selain daripada penyelidikan arkeologi prasejarah dan proto-sejarah, terdapat penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang yang memberi perhatian kepada usaha

untuk menjadikan hasil arkeologi sebagai produk pelancongan yang membawa kepada pembangunan semula candi-candi. Lembah Bujang kaya dengan jumpaan struktur candi yang merangkumi hampir kebanyakan jumpaan ketika aktiviti arkeologi dijalankan.

Istilah candi yang digunakan di Lembah Bujang merujuk kuil Hindu-Buddha yang pernah digunakan oleh masyarakat Kedah Tua. Perkataan candi berasal daripada Candika iaitu salah satu daripada nama isteri dewa Siwa yang bernama Durga ataupun dikenali sebagai Dewi Maut. Candi juga merupakan kependekan daripada Candika-graha atau rumah (kuil) untuk Dewi Candika. Pengertian umum candi bermaksud bangunan purba yang dibuat daripada batu iaitu tempat orang Hindu atau Buddha menyembah berhala, menyimpan abu mayat dan lain-lain (Supian Sabtu,2002).

2.2 Tarikan pelancongan

Kawasan Lembah Bujang sebenarnya mempunyai khazanah yang tidak ternilai. Masih banyak artifak yang belum diterokai di perut bumi Lembah Bujang. Hal ini kerana sehingga kini masih terdapat laporan penduduk kampung yang menyatakan masih menemui penemuan arkeologi di tempat mereka yang masih belum diterokai dan jumpaan ini adalah secara tidak sengaja melalui aktiviti pertanian.

Kawasan Lembah Bujang kini telah mengalami pembangunan yang pesat kesan dari limpahan permintaan terhadap kawasan perindustrian dari Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dengan itu, kepesatan Bandar Sungai Petani dengan adanya hotel-hotel dan pusat beli-belah kini meyakinkan lagi para pelancongan tempatan dan luar Negara untuk ke Lembah Bujang. Kawasan Lembah Bujang kekal sebagai kawasan tarikan dan tumpuan pelancong kerana tarikan alam semulajadinya, rentak hidup para nelayan dan petaninya serta nilai sejarah warisan yang sangat unik.

Kawasan rekreasi seperti Pantai Merdeka, Damai Park, Bukit Lintang, Pulau Sayak, Sungai Tupah, Pengkalan Bayu, Air terjun Batu Pahat, Hutan rekreasi Tupah, Taman Jubli Perak, Makam Muzaffar Shah, Masjid Pengkalan Kakap, Kubu peninggalan Jepun, Bukit Meriam dan Faktor alam semulajadi seperti muara Sungai Muda dan Tanjung Dawai merupakan petempatan nelayan yang terkenal dan sering dikunjungi kerana makanan laut, chalet-chalet yang boleh di sewa dengan harga yang berpatutan (Wan Salleh, 2008).


2.3 Arkeopelancongan Sebagai Pemangkin Pelancongan Negeri Kedah

Industri pelancongan merupakan salah satu sumber ekonomi penting bagi sesebuah negara termasuk Malaysia. Kerajaan Malaysia mula memberi perhatian terhadap perkembangan dan potensi sektor pelancongan bermula dari tahun 1980-an iaitu sejak Rancangan Malaysia Kedua. Selain daripada menjadi sumber pendapatan negara melalui pengaliran masuk wang asing, sektor pelancongan

juga membuka banyak peluang pekerjaan dan pembangunan produk-produk tempatan berasaskan pelancongan.

Kategori produk pelancongan negara boleh di kelaskan kepada beberapa kumpulan iaitu penginapan, pengangkutan, penyajian makanan, membeli belah, lawatan ke tempat bersejarah, alam semulajadi dan kebudayaan, hiburan dan pelancongan kesihatan. Di Malaysia terdapat beberapa tempat pelancongan bersejarah yang mendapat perhatian pelancong dari dalam dan luar negara seperti Melaka dan Pulau Pinang dan Kedah. Kawasan arkeopelancongan di Lembah Bujang juga menunjukkan jumlah kedatangan pelancong yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Rajah 1 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang dari tahun 2011 hingga 2014. Setiap tahun jumlah pelancong yang berkunjung ke Muzium Lembah Bujang mencatatkan jumlah yang tinggi walaupun berlaku naik turun jumlah pelancong bagi setiap tahun. Ini menunjukkan pelancongan berasaskan arkeologi dan sejarah ataupun arkeopelancongan merupakan satu tarikan yang penting bagi sektor pelancongan di negeri Kedah khususnya. Kedatangan pelancong ini pasti memberi kesan kepada pembangunan dan ekonomi penduduk setempat.



Rajah 1: Jumlah kedatangan pelancong ke Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

Sumber : Jabatan Muzium Arkeologi Lembah Bujang, 2015.

3. METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan metod kajian adalah berdasarkan kepada objektif kajian ini bagi memastikan setiap persoalan dalam kajian ini terjawab. Bagi kajian ini, tujuan utama adalah bagi mendapatkan maklumat tentang potensi setiap kawasan arkeopelancongan dan kaedah yang sesuai bagi meningkatkan penglibatan penduduk dalam sektor pelancongan arkeologi. Pandangan pelancong dan penduduk tempatan sangat penting bagi menjawab persoalan ini. Oleh itu, bagi kajian ini pendekatan secara kuantitatif digunakan.

4. PENGUMPULAN DATA

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada satu bentuk struktur/prosedur penelitian yang sistematik yang melibatkan sumber data, jenis data, cara analisis, sampel/responden dan juga tempoh masa bertujuan memastikan kajian yang dilaksana memperoleh hasil yang dijangka dan menjawab segala permasalahan yang dibangkitkan (Gay 1996). Berdasarkan kepada objektif kajian ini, pendekatan yang sesuai digunakan ialah menggunakan kaedah survei di lapangan dan semakan dokumen.

4.2 Survei (Tinjauan)

Kaedah survei melibatkan penggunaan instrumen soal selidik yang di rangka secara deduktif di mana soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan kepada permasalahan kajian (Cohen & Orbuch, 1990). Soalan-soalan ini akan ditanyakan kepada responden (sampel) bagi kajian tersebut.

4.3 Semakan Dokumen

Semakan dokumen dijalankan bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat bagi menjadi asas kepada pengumpulan data. Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada beberapa sumber utama seperti Jabatan Muzium Lembah Bujang, Jawatan Kuasa Kebajikan Kampung dan Kementerian Pelancongan Malaysia. Antara dokumen yang digunakan adalah seperti berikut:

- i) Maklumat jumlah kedatangan pelancong.
- ii) Laporan dan kajian-kajian berkaitan dengan pelancongan di Lembah Bujang.

- iii) Profail penduduk tempatan.

4.4 Populasi Dan Pensampelan

Responden yang digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada tiga kumpulan iaitu penduduk tempatan, peniaga tempatan dan pelancong. Pemilihan responden ini terbahagi kepada dua lokasi iaitu di kawasan penempatan penduduk dan sekitar kawasan tarikan pelancong. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 400 responden. Jumlah ini sesuai dan sudah mencukupi untuk mengukur dan menilai persepsi dan pandangan responden bagi kajian ini. Kaedah persampelan merupakan kaedah yang paling sesuai dan tepat untuk bertanyakan responden tentang persepsi atau pandangan mereka tentang potensi arkeopelancongan di Lembah Bujang.

	Kategori Responden	Bilangan
1	Pelancong (domestik)	150
2	Penduduk tempatan	150
3	Peniaga tempatan	100
	JUMLAH	400

Jadual 2: kerangka saiz sampel mengikut kategori responden

5. PENEMUAN KAJIAN

Jadual 3 pula menunjukkan kedudukan tempat-tempat pelancongan berasaskan warisan dan sejarah di sekitar kawasan Lembah Bujang berdasarkan kepada jumlah responden yang pernah melawat tempat-tempat tersebut. Muzium Arkeologi Lembah Bujang mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu 92.2 peratus di mana hampir keseluruhan responden pernah melawat muzium ini. Bagi tiga tempat teratas iaitu Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Tapak Percandian Pengkalan Bujang dan Tapak percandian Sungai Batu jumlah responden yang pernah melawat tempat-tempat ini melebihi 50 peratus dari jumlah keseluruhan responden. Bagi tempat-tempat lain pula walaupun tidak mencatatkan jumlah yang tinggi namun ia masih menjadi pilihan responden sebagai tempat lawatan.

Lokasi pelancongan warisan dan sejarah	Frekuensi	Peratus
1)Muzium Arkeologi Lembah Bujang	83	92.2
2)Tapak percandian Pengkalan Bujang	63	70.0
3)Tapak percandian Sungai Batu	46	51.1
4)Kota Kuala Kedah	24	26.7
5)Kota Kuala Muda	22	24.4
6)Tapak arkeologi Kg. Pengkalan Bujang	22	24.4
7)Tapak arkeologi Kg.Pendiat.	20	22.2
8)Menara Jam Sg.Petani.	20	22.2
9)Makam Sultan Muzaffar Shah	17	18.9
10)Makam Tunku Haidar	15	16.7
11)Bangunan Balai Polis Sg.Petani (seni bina kolonial)	13	14.4
12)Masjid Al-Rahman (seni bina eklektik)	12	13.3

Jadual 3: Kedudukan berasaskan populariti bagi kawasan pelancongan warisan dan sejarah.

Sumber: Kerja lapangan, 2015

6. KESIMPULAN

Aktiviti pembangunan pelancongan sememangnya telah lama wujud di Lembah Bujang. Persekitaran fizikal Lembah Bujang yang kaya dengan pelbagai keindahan semulajadi mampu menarik perhatian pelancong setempat mahupun antarabangsa. Selain itu, Lembah Bujang turut menjadi perhatian pelancong dengan peninggalan monumen dan senibina sejarah serta kisah-kisah sejarah yang menarik. Kajian yang telah dijalankan ini dapat merumuskan bahawa lokasi-lokasi pelancongan di Lembah Bujang berasaskan warisan dan sejarah mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang arkeopelancongan di negeri Kedah. Pihak-pihak yang berkepentingan perlu memberi perhatian kepada beberapa perkara yang menjadi faktor peningkatan pelancong untuk terus menjadikan arkeopelancongan sebagai aset utama negeri Kedah. Perhatian dari pihak-pihak berkepentingan dalam sektor ini diharapkan dapat menaikkan lagi nama Lembah Bujang sebagai pusat pelancongan khususnya arkeopelancongan di Malaysia. Ini seterusnya dapat meningkatkan pendapatan dan menjana ekonomi penduduk setempat.